

BISNES » Korporat
Isnin, 25 Jun 2018 | 2:54pm



KETUA Modal Insan Kumpulan Maybank, Nora A Manaf (kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Wealth Management Institute of Singapore, Foo Mee Har ketika majlis MOU di antara Maybank dengan NSTP/ NIK Wealth Management Institute of Singapore di Menara Maybank, Jalan Tun Perak. - Foto Nik Hassan.

Maybank tubuh Akademi Pengurusan Kekayaan

Oleh Suffian A Bakar
suffian@nstp.com.my

KUALA LUMPUR: Kumpulan Maybank dengan kerjasama Wealth Management Institute (WMI) Nanyang Technological University Singapore (NTU Singapore) menubuhkan Akademi Pengurusan Kekayaan (WMA) Maybank.

Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulannya, Nora Manaf, berkata penubuhan akademi berkenaan bertujuan meningkatkan lagi pembangunan pegawai pengurusan kekayaan kumpulan itu, khususnya dalam cabaran era gangguan digital hari ini.

Beliau berkata, WMA Maybank adalah inisiatif penting bank itu seiring matlamat strategik kumpulan itu untuk menjadi bank komuniti terbaik serantau.

"WMA Maybank akan membantu meningkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai pengurusan kekayaan, selain mengikuti peluang baharu yang terdapat dalam persekitaran 4.0 hari ini.

"Kurikulum ditawarkan WMA Maybank akan melengkapkan inisiatif peningkatan kemahiran digital Maybank," katanya pada majlis pemeteraian kerjasama strategik itu antara Kumpulan Maybank dan WMI NTU Singapore di sini, hari ini.

Nora mewakili Kumpulan Maybank manakala WMI NTU Singapore oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Foo Mee Har.

Hadir sama Ketua Kumpulan Pengurusan Kekayaan dan Ketua Perkhidmatan Kewangan Komuniti Maybank di Singapura, Alvin Lee.

WMA Maybank adalah akademi pertama seumpamanya ditubuhkan institusi kewangan Malaysia, dan Maybank juga adalah bank Malaysia pertama melancarkan kurikulum pengurusan kekayaan serantau dengan WMI NTU Singapore.

Kurikulum itu berasaskan latihan kepada pegawai jualan, pakar dan pengurusan kekayaan daripada segmen Kekayaan Peribadi, Premier dan Keistimewaan di lapan pasaran global Maybank, iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Hong Kong, Kemboja, Brunei dan London.

Nora berkata, pelancaran WMA Maybank itu seiring misi Menginsankan Perkhidmatan Kewangan Maybank serta fokus kumpulan itu dalam pembangunan modal insan dengan kerjasama institusi terkemuka seperti NTU Singapore, universiti berintensifkan penyelidikan yang berada di tangga ke 12 di dunia hari ini.

Beliau berkata, kumpulan Maybank memperuntukkan sekitar RM3 juta bagi penubuhan WMA Maybank.

Fasa pertama kerjasama itu katanya, akan menyaksikan lebih 150 pengurus perhubungan, penasihat pelanggan, pengurus dan pakar kekayaan dari Maybank Malaysia, Singapura dan Hong Kong mendaftar untuk kursus sulung yang sedang berlangsung di Singapura dan Malaysia.

WMI adalah institusi di bawah NTU Singapore. Berkedudukan di tangga ke 12 dunia, ia diiktiraf universiti muda terbaik dunia untuk tempoh lima tahun berturut-turut.

<http://www.bhplus.com.my/bisnes/korporat/2018/06/441531/maybank-tubuh-akademi-pengurusan-kekayaan>